

PERATURAN DAN SYARAT PERTANDINGAN **SAFARI RAKIT BALEH-KAPIT 2017**

1st Flag-off: **Rh. Ansie Nanga Sepajie, Majau, Kapit**

2nd Flag-off: **Rh. Along Nanga Majau, Mujong Kapit**

Finishing point: **Terminal Bot Ekspres Kapit**

1. **SAFARI RAKIT BALEH-KAPIT TAHUN 2017** dikelolakan oleh Kumpulan Kerja Pelancongan Bahagian Kapit yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan di Bahagian Kapit dan disokong oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Pelancongan Sarawak, Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti Sarawak, Lembaga Pelancongan Sarawak dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.
2. Pertandingan ini terbuka kepada sesiapa yang layak berdasarkan syarat di bawah :
 - Berumur sekurang – kurangnya 18 tahun
 - Memiliki tubuh badan yang sihat dan cergas
 - Dapat berenang dengan baik
3. Berikut adalah kategori – kategori yang dipertandingkan :
 - a) **Kategori Lelaki Rakit Buluh Terbuka**
 - Terbuka kepada pasukan-pasukan lelaki sahaja. Hanya rakit buluh dibenarkan.
 - b) **Kategori Lelaki Rakit Buluh Tertutup**
 - Terbuka kepada pasukan-pasukan lelaki dari agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) yang berdaftar. Hanya rakit buluh dibenarkan.
 - c) **Kategori Lelaki Rakit Bebas**
 - Terbuka kepada pasukan-pasukan lelaki yang menggunakan rakit buluh, kayu atau gabungan buluh dan kayu.
 - d) **Kategori Wanita Rakit Buluh**
 - Terbuka kepada pasukan-pasukan wanita sahaja. Hanya rakit buluh dibenarkan.
 - e) **Kategori Perahu Kayuh (6-8 Pendayung)**
 - Terbuka kepada semua. Setiap pasukan mesti mempunyai 6-8 orang pendayung didaftar dalam pasukan masing-masing dalam satu-satu masa.

Anugerah Rakit Berhias

- Semua pasukan yang layak bertanding akan dinilai berdasarkan hiasan, keunikan buatan rakit dan kreativiti pasukan.

4. Hadiah

- a) **Kategori Lelaki Rakit Buluh Terbuka, Acara Perahu Kayuh (6-8 orang)**

Juara	RM 3,000.00, Piala Pusingan dan sebuah piala
Naib Juara	RM 2,500.00 dan sebuah piala
Ketiga	RM 1,500.00 dan sebuah piala
Keempat	RM 800.00 dan sebuah piala
Kelima	RM 700.00 dan sebuah piala
Keenam	RM 600.00 dan sebuah piala
Ketujuh hingga Kesepuluh	RM500 dan sebuah piala

b) **Kategori Lelaki Rakit Buluh Tertutup, Kategori Lelaki Rakit Bebas dan Kategori Wanita Rakit Buluh**

Juara	RM 2,000.00, Piala Pusingan dan sebuah piala
Naib Juara	RM 1,500.00 dan sebuah piala
Ketiga	RM 1,000.00 dan sebuah piala
Keempat	RM700.00 dan sebuah piala
Kelima	RM600.00 dan sebuah piala
Keenam	RM500.00 dan sebuah piala
Ketujuh hingga kesepuluh	RM400.00 dan sebuah piala

c) **Anugerah Rakit Berhias**

Pertama	RM 1,000.00 dan sebuah piala
Kedua	RM 800.00 dan sebuah piala
Ketiga	RM 500.00 dan sebuah piala

5. **"Flag-off point" dan "Finishing point"**

Kategori	"Flag-off point"	Tarikh / Masa "Flag-off"	"Finishing point"
1st – flag off			
1) Kategori Lelaki Rakit Buluh Terbuka (Pusingan pertama) 2) Kategori Perahu Kayuh (pusingan pertama)	Rh. Ansie Nanga Sepajie, Majau, Kapit	01.04.2017 (Sabtu) 7.00 pagi	Rh. Along Nanga Majau, Mujong Kapit
2nd – flag off			
1) Kategori Lelaki Rakit Buluh Tertutup 2) Kategori Lelaki Rakit Bebas 3) Kategori Wanita Rakit Buluh 4) Kategori Lelaki Rakit Buluh Terbuka (Pusingan kedua) 5) Kategori Perahu Kayuh (Pusingan kedua)	Rh. Along Nanga Majau, Mujong Kapit	02.04.2017 (Ahad) 7.00 pagi	Terminal Penumpang Kapit

- Semua pasukan dikehendaki menyediakan pengangkutan sendiri ke tempat "flag-off point" masing - masing.

6. **Prosedur penyertaan**

- Semua ahli dalam sesebuah pasukan hendaklah didaftarkan dengan Jawatankuasa Pengelola di Pejabat Residen Kapit dengan mengemukakan Borang Penyertaan yang lengkap diisi dan ditandatangani. Sebarang pertukaran nama ahli hendaklah dibuat sewaktu taklimat pertandingan (Sila rujuk Jadual Taklimat Pertandingan).
- Pertukaran kategori tidak dibenarkan selepas pendaftaran pasukan dibuat atau penyertaan pasukan diterima.
- Yuran penyertaan sebanyak **RM150.00** akan dikenakan ke atas setiap pasukan. Yuran tersebut tidak akan dikembalikan. Sila simpan resit yuran penyertaan untuk tuntutan subsidi rakit. (Bagi yang layak sahaja. Sila rujuk perkara No.17)
- Sesebuah pasukan mesti diwakili oleh sekurang-kurangnya enam (6) ahli dan tidak boleh lebih daripada lapan (8) ahli untuk semua kategori.